

SULIT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021 PERAK  
KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF 2216/1  
TINGKATAN LIMA**

NOVEMBER 2021

2 jam 30 minit

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan **Bahagian A.***
3. *Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada **Bahagian B.***
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mempunyai 12 halaman bercetak.

---

**BAHAGIAN A**  
[40 markah]

*Jawab semua soalan Bahagian A.*

1.

Katakanlah kau ada  
Emas bertimbun  
Ataupun beras berguni, berkampit, berkarung  
Wang penuh di gedung, padat di kantung

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi Nilai Insan

Berikan **dua** ciri berserta contoh yang terdapat dalam petikan seloka [4 markah] tersebut.

2.

Sunyi membungkam dalam diri  
sepi diri tanpa bonda  
kepiluan melamar jua  
ibu,  
kau masih dalam ingatan  
memoriku sepi tanpa ibu.

Dipetik daripada *Sepi Syawal Tanpa Bonda* karya Amylia Hussain

Nyatakan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam petikan sajak di atas. [4 markah]

3.

Kemudian berkata Ken Tambohan, “Wahai paman, mengapakah kita ini ke mari? Adapun hari ini sudah tinggi. Adakah jauh lagi tempat kakang Raden Menteri berburu itu?”

Jawab Pelebaya, “Wahai tuanku, di sinilah tempat perhentian kita! Adapun patik ini telah dititahkan oleh ratu perempuan membawa tuanku ke dalam hutan ini untuk dibunuh kerana tuanku bersuamikan Raden Menteri. Sepatutnya jika baginda hendak beristeri, ke Banjar Kulon mesti memining.”

Dipetik daripada Sastera Panji, *Ken Tambohan Dibunuh*

- (a) Nyatakan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [2 markah]
- (b) Nyatakan **dua** contoh penggunaan bahasa istana yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [2 markah]

4.

Aku masih kecil waktu itu. Dan aku bersama-sama kawan-kawan di kampung memang nakal, suka menjolok sarang. Tak kira sarang apa, baik sarang tebu, sarang lebah, sarang tupai, sarang murai atau sarang angkut-angkut di tiang rumah. Sekali itu, kami jolok sarang tupai yang terletak di bangku bulat. Memang Dol bekerjasama dengan kami pagi itu untuk menjayakan permainan kami berdua.

Dipetik daripada cerpen *0000000000*, karya Shahnnon Ahmad

Nyatakan **dua** teknik penceritaan berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

5.

MAT PIAH : Sultan Abdullah pun kena tipu dengan penyamun tu juga?

BLACKWAY : Sultan Abdullah pun ditipu oleh Light juga untuk mendapatkan *Puloo Pinang* yang dinamakan oleh Light dengan gelaran *Prince of Wales*. Light menandatangani perjanjian Inggeris-Kedah pada 1786, yang dibuat oleh Light tanpa pengetahuan kompeni untuk melindungi Kedah daripada serangan Siam dan Burma. Apabila Siam menyerang Kedah, Light lepas tangan dan enggan membantu Sultan Abdullah.

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway* karya Mahizan Husain.

Nyatakan **dua** unsur sejarah berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.

[4 markah]

6.

Mereka terus meluru ke pintu, masuk ke dalam rumah lalu menuju ruang dapur. Mereka dapati darah mereka berhamburan di lantai. Guru itu terjelempok di suatu sudut, mungkin pengsan. Jari-jemari kirinya sedang memegang jari hantunya yang putus, seolah-olah dia memegang kapur tulis, dengan bahagian yang putus itu masih menyentuh permukaan dinding bawah.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto* Anwar Ridhwan

Nyatakan sudut pandangan berserta **dua** contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

7.

hasil didikan serampang bermata dua  
keliru menilai martabat bahasa ibunda  
lidah anaku berbelang-belang  
menyusun madah bercabang-cabang  
memuja kuntuman tulip di taman seberang  
melupakan haruman melur di laman  
belakang

Dipetik daripada sajak *Lidah Anaku Berbelang-belang* karya Abizai

Huraikan **satu** kritikan sosial yang terdapat dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

8.

Semasa dia belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, di bawah Tuan Guru Haji hashim yang berasal dari Kampung Pantai Johor, Kedah, dia membaca kitab-kitab seperti karangan Ibn al-Fakih dari Hamadan. Dia juga mengkhatami kitab-kitab yang ditulis oleh Mas'udi dan Ibn Said pada awal masihi ke-900.

Dipetik daripada cerpen *Profesor Sufi A.* Rahmad

Berdasarkan petikan cerpen tersebut, jelaskan **dua unsur keagamaan** berserta contoh. [4 markah]

9.

Maka kata Laksamana, “Hai, si kafir yang keras hatimu, apa engkau hendak perbuat, perbuatlah olehmu!” Setelah pendekar itu melihat Laksamana sudah turun, maka segera diparangnya. Maka Laksamana pun melompat hendak menangkiskan parangnya itu, kerana memarang dengan dua belah tangannya. Setelah lalu, diparang pendekar itu, maka diparangnya oleh Laksamana telinganya, putus terpelanting ke tanah. Maka Laksamana pun segera melompat naik ke atas balairung itu. Maka orangpun hairan melihat pantas Laksamana itu

Dipetik daripada Sastera Epik, *Hang Tuah Diutus ke Siam*

Berdasarkan petikan prosa tradisional di atas, jelaskan **dua** kehebatan watak Hang Tuah berserta contoh.

[4 markah]

10.

Sabtu tiba. Tengah hari itu para tetangganya mula menolong mengatur kerusi meja. Setiap meja beralas kain putih, cukup dengan piring, pinggan, mangkuk sup, pisau, dan garpu. Di dapur, ada yang membantu guru kidal itu membakar roti dan menyediakan sup serta salad. Di penjuru luar rumah, seseorang sedang melapah kambing, lengkap dengan pisau tajam dan kapak kecil untuk memotong tulang.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan

Jelaskan **satu** citra masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

**BAHAGIAN B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan daripada Bahagian B.*

11. Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Seloka Tak Berikhtiar Sendiri****I**

Banyak orang berangan-angan tinggi,  
 Ingin mencapai itu dan ini,  
 Tetapi tak mahu bersusah diri,  
 Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati,  
 Mereka suka minta tolong, minta beri.

Banyak orang hanya suka meminta bantu,  
 Memohon pertolongan di sana situ,  
 Atau berdoa sebilang waktu,  
 Atau menyusahi ayah dan ibu - jadi kutu,  
 Sebagai anak kecil yang masih menyusu.

Mengapa sentiasa mengharap ibu bapa?  
 Mengapa masih mahu menadah meminta-minta?  
 Manusia disuruh “beramal”, berusaha:  
 Sendirilah, selam lautan dalam!  
 Sendiri rempuh belukar tebal yang kelam!  
 Malulah kalau hanya tahu menyusah,  
 Kalau selalu meminta kepada ibu dan ayah,  
 Bahkan, walaupun kepada Allah,  
 Suka menadah dan tertadah-tadah,  
 Suka menjadikan diri peminta sedekah,  
 Tetapi tak banyak usaha dan ikhtiar sendiri.

**II**

Orang yang suka meminta-minta, walau berjaya,  
 Walaupun meminta kepada Tuhan Maha Kaya,  
 Tetapi tiada beramal ikhtiar sendiri,  
 Tidak berusaha memakai tenaga diri,  
 Orang yang asyik dipeluk gelombang manja,  
 Yang tak tahu menelan pahit maung bekerja.

Akan matilah kemerdekaan hatinya,  
 Akan tipislah semangat perjuangannya,  
 Akan rendahlah pandangan orang kepadanya,  
 Akan hilanglah harga dirinya,  
 Akan jatuhlah darjat manusianya!

Dari situ ...

Lenyaplah kelak daripada sifat jauhari,  
Iaitu kepercayaan kepada dirinya sendiri;  
Dari situ lagi, ke manakah ia akan pergi?  
Ia tidak kan mencapai puncak yang tinggi,  
Ia akhirnya hanya akan melepek dan rugi!

Diadun daripada “Putera Melaka”

U.Kk. 27. Xii.1954

Kalung Bunga, 2008

Dewan Bahasa dan Pustaka

Puisi Tradisional *Seloka Tak Berikhtiar Sendiri*, Nilai Insan

- (a) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam seloka tersebut. [6 markah]
- (b)

A

Akan matilah kemerdekaan hatinya,  
Akan tipislah semangat perjuangannya,  
Akan rendahlah pandangan orang kepadanya,  
Akan hilanglah harga dirinya,  
Akan jatuhlah darjat manusianya!

Dipetik daripada *Seloka Tak Berikhtiar Sendiri*, Nilai Insan

B

Banyak udang banyak garam,  
Banyak orang banyak ragam.

Lain dulang lain kakinya,  
Lain orang lain hatinya.

Dipetik daripada *Pantun Resam Hidup Manusia*, Nilai Insan

Berdasarkan puisi A dan B, huraikan **dua** persamaan yang terdapat dalam puisi tersebut. [6 markah]



- (c) Cipta sebuah seloka yang bertemakan kepentingan beriadah. Panjangnya seloka anda, hendaklah antara **12 hingga 15 baris**. [8 markah]
12. Berdasarkan Sastera Epik; *Hang Tuah Diutus ke Siam* dalam antologi Nilai Insan:
- (a) Jelaskan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam Sastera Epik tersebut. [6 markah]
- (b) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam Sastera Epik tersebut. [8 markah]
- (c) Nyatakan **dua** keperibadian unggul watak Laksamana Hang Tuah dalam Sastera Epik. [6 markah]
13. Berdasarkan cerpen *Res Judicata* karya Aidil Khalid:
- (a) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam cerpen tersebut. [4 markah]
- (b) Bincangkan **dua** citra masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang dalam cerpen ini. [8 markah]
- (c) Tulis sebuah cerpen bertemakan **pengorbanan dalam keluarga**. Panjangnya cerita hendaklah antara **80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

14. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

### Virus dari Langit Global

Virus-virus giat mengalir  
 meniti pembuluh-pembuluh darah  
 menjengah ruang fikir  
 meracuni akal dan sukma  
 virus kebiadaban kian merebak  
 virus hedonisme kian menjangkiti  
 membentuk segumpal sampah di almari peribadi  
 menyemai benih radiasi songsang menerjah minda.

Kontang sudah ladang yang subur  
 semaian hijau yang kita benih  
 bergerimiskan curahan peradaban dan  
 dibajai akhlak pekerti  
 diracuni semilir wabak yang mengotori  
 diterap angin hitam sosial  
 merebak menyusup jati diri  
 sekujur jiwa belia generasi.

Virus-virus ini diutus dari langit global  
 percikan sampah dari jendela siaran  
 hiburan sumbang dari pentas kayangan  
 libur songsang dari halaman maya  
 terselaklah tabir ketulusan  
 dengan bakteria gejala  
 berleluasa menjajah dasar atma  
 rapuhnya pertimbangan akal anak-anak bangsa  
 susila dan budaya tidak lagi bernyawa  
 pabila virus mazmumah terpercik mendiami jiwa  
 menusuk luka dan kupingku dinoda  
 hilangnya nanti permata negara  
 menjadi puing-puing harapan ayahanda.

(Melaka-Kuala Lumpur)

Nur Suhada Sayuti  
*Antologi Kalam Pertama, 2012*  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (a) Jelaskan **dua** gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** isu masyarakat yang terdapat dalam sajak. [ 8 markah]
- (c) Cipta sebuah sajak yang bertemakan **persahabatan**. Panjangnya sajak hendaklah antara **12 hingga 15 baris**. [ 8 markah]

15. Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala:

- (a) Huraikan **tiga** nilai bertanggungjawab yang terdapat dalam drama tersebut. [12 markah]
- (b) Nyatakan **empat** latar tempat beserta contoh yang terdapat dalam drama tersebut. [8 markah]

16. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan Sasterawan Negara:

Teksi tua buatan Jepun itu mula bergerak perlahan, sebelum berhenti di bawah pohonan rendang, agak jauh dari rumah bekas komandan itu.

Dia keluar teksi lalu melangkah ke arah rumah yang tampak uzur dan sepi. Pintu rumah itu terbuka. Rumput-rumput tumbuh liar di pekarangan. Laluan masuk yang bersimen telah berlumut. Pintu rumah itu melopong dan jendela-jendelanya terbuka luas.

Dia menghampiri pintu, ingin masuk, tetapi langkahnya terhenti kerana dia terdengar suara orang mengerang dan bercakap-cakap. Bergeraklah dia menuju jendela terbuka, memerhatikan keadaan rumah itu dari luar.

Seorang lelaki tua, bekas komandan itu, terbaring dan mengerang-erang di atas ranjang. Isterinya yang tua dan lumpuh itu duduk tepok atas lantai simen di sisi ranjang. Bantal, selimut, termos, cawan, botol kopi, dan botol gula berserakan di lantai. Ada seorang lelaki tegap sedang berdiri menentang bekas komandan tersebut.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan

- (a) Berdasarkan petikan novel di atas, jelaskan **dua** perwatakan “lelaki tua”. [4 markah]
- (b) Huraikan **satu** kritikan sosial yang terdapat dalam novel tersebut. [4 markah]
- (c) *Kompleks kediamanku ini terletak di sudut sebuah taman yang luas. Apabila seseorang datang berkunjung ke sini, hairanlah mereka kerana suasana persekitaran kompleks itu amat sunyi sepanjang masa, sedangkan di luar taman itu kota Tokyo terus hiruk-pikuk dengan suara penghuninya, kereta api dan kenderaan bertali arus.*

Dengan menggunakan kreativiti anda, sambungkan petikan novel tersebut supaya menjadi bahagian peleraian plot cerita dengan penggunaan beberapa teknik plot.

Panjang cerita hendaklah antara **80 hingga 100 patah perkataan.**

[12 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.